

KOSE (MALAYSIA) SDN. BHD
POLISI KERAHSIAAN

1. Kose (Malaysia) Sdn. Bhd (selepas ini dirujuk sebagai “**KOSE**”), sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (“**APDP**”), mengamalkan Polisi Kerahsian yang berikut (“**Polisi**”). Polisi ini menekankan usaha dan komitmen KOSE untuk memastikan data peribadi dan maklumat yang diberikan kepada pihak kami untuk tujuan urus niaga komersil dijaga menurut prinsip-prinsip APDP. Polisi ini ialah dokumen yang sah.

Kebolegunaan

2. Polisi ini ialah sebahagian daripada garis panduan KOSE yang berkait dengan pemrosesan data peribadi (termasuklah data peribadi yang sensitif) dan diterima pakai untuk hubungan KOSE dengan individu-individu yang ada kaitan dengan APDP, termasuklah tetapi tidak terhad kepada para pelanggan, wakil (representatif), pekerja, klien, pelabur, penaja, pembekal, penganjur acara, pengurus acara, promoter, dan kontraktor yang berkontrak atau sebaliknya dan individu-individu lain yang tidak dinyatakan secara khusus. Polisi ini ialah satu dokumen sah yang kepatuhan kepadanya biasanya dijangkakan.
3. Polisi ini mengawal cara KOSE mengumpul, menggunakan, menyimpan, menjaga dan mendedahkan maklumat peribadi termasuk nama, nombor telefon, alamat e-mel, alamat pejabat atau tempat tinggal, butiran pembayaran, dan semua maklumat pengenalan peribadi (selepas ini akan dirujuk sebagai “**Data Peribadi**”) daripada setiap pelanggan atau sebarang data dalam simpanannya. Polisi ini turut terpakai bagi penggunaan laman web KOSE dan semua laman web media sosial lain yang dikendalikan oleh KOSE.
4. Pelanggan KOSE dan/atau penyumbang data hendaklah membaca dan memahami syarat-syarat polisi ini keseluruhannya. Polisi ini hendaklah dibaca bersama dan dokumen yang perlu dalam sebarang kontrak yang turut terlibat dengan KOSE.

Data Peribadi

5. Istilah “Data Peribadi” ditakrifkan oleh APDP sebagai termasuk sebarang maklumat yang berkait dengan individu biasa yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti. Seorang individu yang boleh dikenal pasti ialah seseorang yang boleh dikenali, secara langsung atau tidak langsung, secara khususnya dengan merujuk kepada nombor pengenalan diri atau fizikal seseorang, ciri-ciri psikologi, mental, ekonomi, budaya dan sosial.
6. Seterusnya terma itu secara umum seperti yang ditakrifkan oleh APDP, Data Peribadi seperti yang dirujuk dalam Polisi ini juga berkait dengan mana-mana individu biasa, termasuklah pelanggan, wakil (representatif), pekerja, klien, pelabur, penaja, pembekal, penganjur acara, pengurus acara, promoter, dan kontraktor yang berkontrak atau sebaliknya dan individu-individu lain yang tidak dinyatakan secara khusus (secara kolektif “**Subjek Data**”)

7. KOSE diberi kuasa dan boleh mengumpul, mengekalkan dan memproses Data Peribadi berikut daripada Subjek Data:-

- Data-data peribadi seperti nama, kad pengenalan / pasport / nombor keselamatan sosial, umur, gender, kewarganegaraan, tarikh lahir, alamat tempat tinggal dan alamat perniagaan, alamat laman web media sosial, nombor telefon, alamat e-mel dan maklumat-maklumat lain yang relevan yang dapat mengenal pasti setiap Data Subjek;
- Maklumat berkaitan perniagaan, pekerjaan atau perkhidmatan yang Subjek Data terlibat;
- Urus niaga bayaran – sama ada melalui cek, kad kredit atau kad debit, *PayPal* atau pindahan bank dalam talian;
- Semua rekod pembayaran perkhidmatan, termasuk sebarang pembatalan yang dibuat;
- Sebarang maklumat lain yang telah atau akan kami kumpulkan pada masa akan datang, atau sebarang maklumat yang Subjek Data berikan kepada KOSE berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan atau kewajipan berkontrak, termasuk data yang dikumpulkan daripada mana-mana tinjauan, soal selidik, urus niaga atau sebarang surat-menyurat dengan KOSE;
- Kecenderungan peribadi individu bagi Subjek Data seperti bahasa, produk yang ditawarkan atau minat tertentu termasuklah cara komunikasi;
- Pilihan Subjek Data berhubung dengan penerimaan komunikasi masa akan datang yang berkaitan dengan acara atau majlis akan datang atau pelancaran produk yang dikendalikan oleh KOSE;
- Apa-apa persoalan, komen atau pesanan yang dihantar kepada KOSE melalui laman web KOSE atau mana-mana laman media sosial lain yang dikendalikan oleh KOSE;
- Alamat IP Subjek Data yang melawat laman web KOSE, memohon dan mendaftar sebagai ahli, menghantar persoalan atau memuat naik catatan/komen dalam sebarang media sosial yang dikendalikan oleh KOSE

8. Walau bagaimanapun, KOSE masih dibolehkan untuk proses Data Peribadi walaupun tanpa keizinan anda sekiranya dianggap mandatori untuk sesetengah keadaan termasuklah tetapi tidak terhad kepada pemprosesan Data Peribadi untuk alasan-alasan berikut:

- untuk pelaksanaan sesuatu kontrak yang anda ialah suatu pihak kepadanya;
- berdasarkan permintaan anda, dengan tujuan untuk membuat sesuatu kontrak dengan KOSE;
- untuk mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang KOSE sebagai subjek, selain daripada satu obligasi yang dikenakan oleh sesuatu kontrak;

- bagi melindungi kepentingan vital; atau
- untuk tujuan pentadbiran keadilan; atau
- untuk menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana individu oleh atau di bawah mana-mana undang-undang.

Data Peribadi Sensitif

9. Data Peribadi Sensitif ialah sebarang data peribadi termasuk maklumat berkaitan keadaan kesihatan mental dan fizikal anda, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengatauan pelakuan apa-apa kesalahan atau sebarang maklumat yang ditetapkan oleh APDP sebagai Data Peribadi Sensitif.
10. KOSE tidak mengumpulkan Data Peribadi Sensitif melainkan diperlukan oleh mana-mana peraturan yang berkaitan atau relevan. Data Peribadi Sensitif sepatutnya tidak dihantar sekiranya anda tidak memerlukan pihak KOSE untuk mengumpulkan atau memproses data tersebut.
11. Walau bagaimanapun, sekiranya Data Peribadi Sensitif telah dihantar kepada pihak kami, KOSE akan menganggap Data Peribadi Sensitif tersebut dihantar dengan izin eksplisit dan atas persetujuan anda. Semua Data Peribadi Sensitif akan dianggap sulit dan data tersebut akan tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini.

Kuki

12. Kuki juga dikenali sebagai HTTP kuki, kuki web atau kuki pelayar, iaitu apabila data dihantar daripada laman web KOSE dan/atau laman web-laman web media sosial lain yang KOSE kendalikan dan tersimpan dalam pelayar web semasa capaian anda kepada laman web KOSE dan/atau laman web media sosial lain yang KOSE kendalikan. Kuki direka sebagai satu mekanisme bagi laman web untuk memperoleh maklumat daripada aktiviti pelayaran anda. Kuki tidak akan mengumpulkan data peribadi atau sebarang maklumat yang berkait rapat dengan maklumat pengenalan peribadi.
13. Terdapat sesetengah maklumat yang disimpan oleh KOSE apabila anda mencapai laman web dan/atau laman web media sosial lain yang KOSE kendalikan. Dengan mencapai mana-mana laman web tersebut, anda dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma-terma polisi ini.
14. KOSE akan menggunakan kuki yang tersimpan dalam pelayar anda bagi tujuan menggunakan sebarang maklumat untuk mendapat jejak, analisis statistik atau untuk tujuan pemasaran atau pengiklanan termasuklah untuk mengendalikan tinjauan.
15. Sehubungan dengan itu, sekiranya anda tidak mahu maklumat anda tersimpan, maka anda bertanggungjawab untuk memastikan yang semua kuki dibuang daripada peranti anda termasuklah pemacu keras (*hard drive*) sebaik sahaja selesai setiap sesi pelayaran.

Pautan/Laman web berkaitan

16. Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, KOSE tidak dan tidak akan bertanggungjawab dari segi capaian kepada mana-mana pautan luar dalam laman webnya atau mana-mana media sosial yang dikendalikan oleh KOSE. Anda dimaklumkan yang laman-laman luar mungkin dikawal oleh polisi privasi mereka yang tersendiri dan polisi ini tidak dapat digunakan terhadap aktiviti pelayaran tersebut.

Bagaimana kami mengumpul Data Peribadi anda

17. KOSE akan mengumpul Data Peribadi anda daripada Subjek Data apabila maklumat tersebut dihantar dengan kerelaan anda. Dengan menyediakan Data Peribadi tersebut, Subjek Data dianggap dengan sukarela bersetuju terhadap pemrosesan, penyimpanan dan penyebaran data peribadi mereka selaras dengan APDP dan terma dan syarat Polisi ini.
18. Umumnya, Data Peribadi daripada Subjek Data akan dikumpulkan oleh KOSE termasuklah melalui cara-cara berikut tetapi tidak terhad kepada:-
- permohonan sebagai ahli KOSE;
 - kemas kini yang diterima daripada Subjek Data berhubung dengan butir-butir peribadi mereka atau sebarang perubahan di dalamnya, termasuklah perubahan alamat;
 - pertanyaan dan pendaftaran untuk acara atau majlis atau pelancaran produk KOSE, atau acara-acara promosi;
 - melawat laman web KOSE dan/atau mana-mana laman web media sosial KOSE;
 - pendaftaran dengan KOSE dan/atau penganjur acaranya bagi acara atau majlis atau pelancaran produk sama ada dalam talian atau secara manual;
 - sebarang urusan niaga atau pertanyaan atau komunikasi yang dibuat dengan KOSE;
 - apabila data peribadi tersebut dikumpulkan oleh promoter, pengurus acara, penganjur acara atau mana-mana syarikat bersekutu KOSE dalam mana-mana acara, majlis, mesyuarat atau sebarang aktiviti pemasaran, pengembangan dan promosi; dan
 - kontrak daripada/untuk khidmat atau khidmat yang terlibat dengan KOSE.

Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

19. KOSE akan kumpul, simpan dan proses Data Peribadi anda (termasuk Data Peribadi Sensitif) untuk beberapa tujuan termasuklah yang berikut:-
- untuk berhubung dengan anda berkaitan keahlian, pertanyaan atau permintaan-permintaan lain;
 - untuk maklum balas kepada pertanyaan anda termasuklah pertanyaan-pertanyaan berkaitan produk-produk KOSE;

- bagi tujuan pentadbiran, termasuklah tetapi tidak terhad kepada urusan niaga komersil yang berkaitan dengan bil dan pembayaran;
- untuk mengawasi dan menambah baik perkhidmatan KOSE;
- bagi khidmat pemasaran langsung;
- untuk kemas kini dan sediakan maklumat berkaitan promosi dan acara atau majlis akan datang atau pelancaran-pelancaran produk untuk anda;
- untuk menjalankan penyelidikan, tinjauan dan analisis statistik;
- untuk menghantar e-mel tentang kemas kini atau sebarang acara yang mungkin menarik minat anda;
- bagi tujuan pelaksanaan sesuatu kontrak yang melibatkan anda sebagai parti;
- bagi mematuhi mana-mana kewajipan undang-undang yang KOSE tertakluk.

Pendedahan dan Perkongsian Data Peribadi

20. KOSE satu-satunya dan budi bicara mutlak dalam berkongsi sebarang Data Peribadi dengan pihak ketiga berikut bagi sesetengah tujuan yang terhad sekiranya perlu, seperti berikut:
- Rakan kongsi KOSE, anggota gabungan yang dipercayai, promoter, penganjur acara, penyelidik, dan pengiklan sebagai sebahagian usaha untuk mengendalikan analisis statistik tentang trend global semasa atau akan datang dan juga untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan promosi produk-produk akan datang, dan/atau acara-acara;
 - Penyumbang khidmat pihak ketiga yang membantu mengendalikan KOSE dan laman webnya; juga semua laman web media sosial yang dikendalikan untuk dan bagi pihak KOSE dan/atau mentadbir aktiviti bagi pihak KOSE, seperti untuk menghantar surat berita dan/atau e-mel, untuk mengawal penyebaran pesanan bertulis dan/atau tinjauan; dan
 - Wakil KOSE yang sah, akauntan, auditor, konsultan, promoter, penganjur acara dan penyumbang khidmat lain yang mengawal dan mentadbir urusannya.
21. KOSE walau bagaimanapun tidak berniat menjual dan menyebarkan Data Peribadi kepada pihak ketiga yang tidak sah.
22. Dengan bersetuju terhadap terma Polisi ini, anda dianggap akan memberi dan telah memberi persetujuan tanpa syarat kepada pihak KOSE untuk mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi dengan pihak ketiga tersebut seperti dinyatakan di atas.
23. Sekiranya anda menghadiri mana-mana acara atau majlis promosi atau pelancaran produk KOSE atau acara-acara KOSE yang lain, anda dianggap bersetuju dan mengizinkan KOSE untuk berkongsi Data Peribadi anda bersesuaian dengan sebarang persoalan dengan syarikat bersekutu, anggota gabungan dan penganjur acara KOSE.
24. Sekiranya syarikat bersekutu, anggota gabungan dan penganjur acara diperlukan untuk membantu KOSE bagi pengutipan bayaran dan pendaftaran kehadiran bagi acara atau majlis KOSE atau acara-acara KOSE yang lain, syarikat bersekutu, anggota gabungan dan penganjur acara tersebut hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan Data Peribadi yang dikumpulkan itu, diproses dan diuruskan selaras

dengan APDP dan semua perlindungan diambil oleh mereka untuk memastikan tiada pelanggaran bagi pihak mereka. Untuk tujuan itu, anda bersetuju untuk membebaskan KOSE daripada sebarang risiko dan tanggungjawab yang timbul daripada pengendalian Data Peribadi oleh rakan sekutu, ahli gabungan dan penganjur acara. Untuk mengelakkan keraguan, KOSE tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang pelanggaran terma-terma Polisi ini yang timbul atau berkait dengan kendalian atau sebarang tindakan daripada sekutu, ahli gabungan dan penganjur acara.

Pemindahan Data Peribadi luar bidang kuasa

25. Dalam sesetengah keadaan, KOSE mungkin diperlukan untuk memindahkan Data Peribadi anda ke sebuah negara atau bidang kuasa di luar Malaysia bagi tujuan untuk pengumpulan Data Peribadi. Bagi tujuan ini KOSE satu-satunya dan budi bicara mutlak untuk memutuskan sama ada untuk memindahkan data anda atau tidak.
26. Dengan mengakui dan bersetuju kepada terma Polisi ini, anda dianggap bersetuju untuk membenarkan KOSE untuk memindahkan Data Peribadi anda ke mana-mana negara atau bidang kuasa di luar Malaysia meskipun sekiranya negara atau bidang kuasa tersebut mempunyai peraturan yang sama atau mencukupi untuk mengawal perlindungan data peribadi. KOSE tidak akan bertanggungjawab atas segala pelanggaran mana-mana prinsip-prinsip data peribadi di negara yang menerima Data Peribadi anda.

Hak anda untuk memilih tidak menyertai

27. Sekiranya anda mahu agar Data Peribadi anda tidak dikongsi, didedah atau dipindahkan, anda mempunyai hak untuk tidak bersetuju terhadap urus niaga itu. Hal ini menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan kepada pihak KOSE dalam bentuk notis bertulis, sekiranya anda tidak bersetuju Data Peribadi anda dikongsi dengan pihak ketiga atau pemindahan Data Peribadi anda keluar dari Malaysia. Anda juga mempunyai hak dan pilihan untuk tidak berada dalam senarai mel KOSE jika anda tidak mahu menerima sebarang e-mel daripada KOSE berkaitan promosi, tinjauan, iklan, analisis statistik atau urusan pemasaran yang lain dan dalam hal itu, menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan secara bertulis kepada KOSE yang anda perlu untuk menarik diri daripada senarai mel KOSE.
28. Sebarang notis kepada KOSE yang diperlukan di bawah Polisi ini mestilah dalam bentuk bertulis, dan dihantar kepada Khidmat Pelanggan, KOSE (Malaysia) Sdn. Bhd. yang beralamat di Unit 7-04, Level 7, Nucleus Tower, No.10, Jalan PJU 7/6, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Sekiranya Notis dihantar secara pos, penghantaran dianggap sempurna hanya sekiranya diterima oleh pihak KOSE.
29. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya anda tidak menghantar Notis tersebut kepada pihak KOSE, KOSE berhak untuk menganggap Data Peribadi anda seperti yang anda setuju kepada:
 - KOSE untuk mendedahkan, menjaga, berkongsi dan memindahkan Data Peribadi anda bagi tujuan di atas; dan

- Dimasukkan dalam senarai mel KOSE dan bersetuju untuk menerima maklumat daripada KOSE dan syarikat bersekutu, anggota gabungan dan penganjur acara yang dilantik oleh KOSE.

Bagaimana KOSE Menyimpan dan Mengawal Data Peribadi Anda

30. KOSE akan mengambil tindakan yang munasabah dan perlu untuk memastikan semua Data Peribadi yang disimpan dalam rekodnya selamat dan terkawal. Dengan menerima Polisi ini, anda dianggap dengan ini bersetuju dan rela untuk memberikan KOSE satu-satunya dan budi bicara mutlak untuk memutuskan cara Data Peribadi anda disimpan.
31. Tindakan akan diambil oleh KOSE, untuk mempertimbangkan secara munasabah dan perlu, bagi memastikan yang maklumat Data Peribadi anda selamat dan untuk mencegah kehilangan, pengubahsuaian secara curi atau campur tangan pihak ketiga.
32. Dengan bersetuju terhadap terma-terma dalam Polisi ini, anda dianggap telah memahami dan bersetuju yang KOSE tidak bertanggungjawab dalam segala urusan yang tidak diduga berlaku yang menyebabkan pengeluaran tanpa kebenaran dan/atau penyebaran tanpa kebenaran Data Peribadi anda.

Penyimpanan Data Peribadi

33. Data Peribadi anda akan disimpan oleh KOSE hanya sekiranya perlu untuk memenuhi tujuan data tersebut dikumpul. Sekiranya Data Peribadi tidak lagi perlu digunakan, KOSE, satu-satunya dan budi bicara mutlak boleh memadamkan Data Peribadi tersebut daripada rekod, melainkan penyimpanan Data Peribadi tersebut perlu untuk memenuhi keperluan perundangan, keperluan pengawalan dan penjelasan atau untuk tujuan lain yang menjadikan penyimpanan itu perlu.
34. Sekiranya anda bersetuju dan rela untuk menerima promosi atau maklumat pemasaran akan datang daripada KOSE, syarikat bersekutu dan anggota gabungan yang dipercayai, KOSE akan menyimpan Data Peribadi tersebut selaras dengan terma-terma Polisi Kerahsiaan ini.
35. Dalam hal untuk penamatan atau tamat tempoh kontrak atau hubungan lain dengan Subjek Data:-
 - Data Peribadi bagi Subjek Data akan disimpan dalam pangkalan data KOBE, melainkan Subjek Data memberi Notis bertulis kepada KOSE memohon untuk Data Peribadi tersebut untuk dimusnahkan dan dihapuskan daripada pangkalan data KOSE;
 - KOSE akan mengambil tindakan yang munasabah untuk memastikan tindakan keselamatan yang cukup telah diambil untuk mengawal Data Peribadi; dan
 - Subjek Data mempunyai pilihan sama ada mereka hendak menerima sebarang surat-menyurat daripada KOSE berkaitan dengan maklumat pemasaran dan promosi untuk masa akan datang.
 - Menjadi tanggungjawab Subjek Data untuk memaklumkan KOSE, sama ada untuk kekal dalam senarai mel atau tidak. Kegagalan memberi notis tersebut

akan dianggap setuju untuk menerima segala surat-menyurat daripada KOSE, syarikat bersekutu dan anggota gabungan.

Mempertahankan Integriti Data

36. Sudah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan Data Peribadi anda dan juga Data Peribadi lain yang berhubung dengan pihak ketiga, yang dihantar kepada KOSE adalah terkini dan tepat.
37. Sekiranya berlaku maklumat dan/atau Data Peribadi yang dihantar adalah tidak tepat atau sudah ketinggalan, menjadi tanggungjawab anda untuk pembetulan tersebut atau mengemas kini maklumat tersebut dengan menghubungi KOSE dalam jangka masa yang munasabah.

Capaian Kepada Data Peribadi

38. Anda boleh:
 - Memohon salinan Data Peribadi yang dijaga oleh KOSE;
 - Memohon untuk mengemas kini Data Peribadi yang dihantar kepada KOSE;
 - Memohon KOSE untuk ubah suai atau pinda setiap Data Peribadi dalam rekod kami.
39. Untuk membolehkan anda melakukan demikian, anda mesti memberi KOSE maklumat lengkap dan juga dokumen untuk mengesahkan identiti anda sebelum sebarang permintaan tersebut boleh dilayan. Hal ini perlu untuk tujuan penentusahan. Jika anda tidak boleh memberi dokumen untuk kepuasan pihak KOSE, kami boleh, satu-satunya dan budi bicara mutlak, menafikan capaian atau permintaan untuk mendapatkan semula untuk tujuan melindungi Data Peribadi tersebut.
40. KOSE, satu-satunya dan budi bicara mutlak, boleh pertimbangkan untuk mendapatkan semula atau membetulkan maklumat tersebut. Sekiranya KOSE memutuskan untuk menolak permintaan anda, kami akan menyediakan alasan untuk penolakan itu.
41. KOSE, satu-satunya dan prerogatif mutlak, untuk membenarkan sebarang perubahan atau pemindaan terhadap Data Peribadi dalam rekodnya untuk memastikan ketepatan dan kebenaran Data Peribadi tersebut.
42. Dengan ini dimaklumkan bahawa KOSE tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau penangguhan atau kelalaian bagi pihak anda kerana gagal untuk mengemas kini dan/atau membuat pembetulan Data Peribadi anda dalam rekod kami.

Penerimaan

43. Dengan menerima Polisi ini, menandakan anda menerima tanpa syarat Polisi ini dan akan dianggap untuk memberi persetujuan tanpa syarat kepada KOSE untuk

mengekalkan, menyimpan, menyebarkan, memproses dan berkongsi Data Peribadi anda.

44. Dengan meneruskan keahlian anda dengan KOSE, anda dianggap terikat dengan peraturan dan polisi yang dibuat oleh KOSE dan anda tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini. Kebolehcapaian anda secara berterusan kepada laman web KOSE dan/atau mana-mana laman web media sosial yang dikendalikan oleh KOSE akan diambil sebagai penerimaan berterusan daripada sebarang semakan terhadap Polisi, mengikut keadaan.

Pindaan terhadap Polisi

45. Data Peribadi yang dihantar kepada KOSE akan diproses dan dijaga selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat dalam polisi ini yang mungkin disemak dari semasa ke semasa. KOSE, satu-satunya dan budi bicara mutlak, boleh mengubah mana-mana terma dan syarat Polisi ini. Sekiranya terdapat sebarang pindaan terhadap Polisi ini, Polisi yang dipinda akan dimasukkan dalam laman web KOSE di <https://www.kose.com.my> dan <https://www.decorte-cosmetics.com/my/>. Anda dinasihatkan untuk melawat laman web KOSE dan/atau mana-mana laman web media sosial yang dikendalikan oleh KOSE dari semasa ke semasa untuk memperoleh versi terkini Polisi tersebut. Dengan memaparkan polisi tersebut dalam laman web ini, kami anggap pelanggan-pelanggan kami dan/atau klien telah dimaklumkan.

Butiran Hubungan

46. Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan berkaitan dengan Polisi ini atau prosedur di laman web kami atau mana-mana laman web lain dalam laman web media sosial yang dikendalikan oleh KOSE, atau berhubung dengan cara anda berurusan dengan kami dan juga untuk memberikan maklumat terkini kepada kami atau untuk memaklumkan sebarang pembedaan berkaitan Data Peribadi anda, boleh hubungi kami di: Khidmat Pelanggan, KOSE (Malaysia) Sdn. Bhd. yang beralamat di Unit 7-04, Level 7, Nucleus Tower, No.10, Jalan PJU 7/6, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Kose (Malaysia) Sdn. Bhd